

Headline	Doa tunai haji makbul		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	22	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	78 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,608
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,824



## Doa tunai haji makbul

**Kelana Jaya:** “Tidak putus saya berdoa supaya kesihatan dikembalikan selepas diserang angin ahmar dua tahun lalu supaya boleh menunaikan ibadah haji dengan sempurna,” kata Amin Abdullah, 76, sebelum berangkat menunaikan Rukun Islam kelima musim ini.

Menurutnya, dia bersyukur kerana masih berkesempatan menunaikan ibadah haji walaupun sudah berumur dan menghidap angin ahmar.

“Tiada perkara lain yang saya harapkan selain menginginkan haji mabrur seperti yang diharapkan semua jemaah,” katanya.

Amin antara bakal haji musim ini ditemani menantunya, Asihin Suraini, 49, untuk menunaikan tanggungjawab itu.

Menurutnya, walaupun gilirannya untuk mengerjakan

haji agak lewat, dia bersyukur dan berterima kasih kepada Lembaga Tabung Haji.

“Saya berharap kesihatan mengizinkan saya bergerak sendiri ketika mengerjakan ibadah haji memandangkan pergerakan yang mencabar bagi penghidap angin ahmar seperti saya.

“Saya berharap menantu bersabar ketika melayan saya di sana dan berharap galanya selamat pergi dan kembali,” katanya.

Menurut Amin, ini pengalaman pertamanya menjejak kaki ke Tanah Suci selepas enam tahun menunggu.

Bagi Asihin, menjaga keselamatan bapa mentuanya sepanjang berada di Tanah Suci menjadi amanah buatnya.